

TEKS UCAPAN
Hannah Yeoh Tseow Suan
Menteri Belia dan Sukan Negara
sempena program
“Datasonic H2O Run 2024”
27 Januari 2024 @ Padang Merbok Kuala Lumpur.

Selamat pagi, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

YBhg Datuk Sr. Hj Kamarulzaman Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur.

YHM Tengku Abu Bakar Ahmad Tengku Tan Sri Abdullah, Pengerusi Eksekutif Datasonic Group Berhad,

YBhg Datuk Hanifah Noordin, Ketua Pegawai Eksekutif Datasonic Group Berhad,

Pihak Pengurusan Tertinggi serta warga kerja Datasonic Group,

Dan Para peserta Datasonic H2O run 2024.

1. Terlebih dahulu saya amat berbesar hati dapat berkumpul bersama-sama dengan anda pada hari ini bersempena dengan Majlis Perasmian Penutupan Program Tanggungjawab Sosial Korporat “Datasonic H2O Run 2024” yang dianjurkan oleh Datasonic Group.

2. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi mengundang saya untuk merasmikan program ini. Saya difahamkan bahawa Program Datasonic H2O Run ini adalah julung-julung kalinya diadakan melalui kerjasama dengan Datasonic Group Berhad yang merupakan salah sebuah syarikat yang menyediakan penyelesaian ICT bersepadu berkaitan keselamatan paling terkemuka di Malaysia.

3. Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada para peserta yang hadir pada hari ini yang dapat menyahut cabaran menyertai program larian yang telah dianjurkan.

YHM Tengku, Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,

4. Saya dapati, penyertaan program ini juga menyeluruh meliputi golongan belia, pelajar sekolah menengah, warga emas dan warga kerja Datasonic. Semua golongan juga perlu sentiasa diberi pendedahan dan bimbingan yang sewajarnya agar mereka faham dan sedar tentang betapa pentingnya mengamalkan cara hidup yang sihat dan sentiasa berusaha untuk berubah menjadi yang terbaik.

5. Oleh itu, program "Datasonic H2O Run 2024" ini merupakan satu usaha yang tepat pada masanya untuk memastikan penglibatan atau penyertaan semua golongan dalam aktiviti amalan gaya hidup sihat. Acara seperti ini akan mewujudkan persaingan yang sihat serta melahirkan semangat berlumba-lumba untuk memenangi dan menamatkan larian.

YHM Tengku, Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,

6. Suka saya menyatakan di sini bahawa, pihak Kerajaan amat menggalakkan dan mengalu-alukan penglibatan sektor korporat atau mana-mana pihak untuk mengadakan program bersama dengan pihak Kerajaan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup semua rakyat. Sumbangan atau bantuan tidak terhad kepada bentuk kewangan atau material semata-mata. Sekiranya kita dapat meluangkan sedikit masa, tenaga, sokongan secara mental dan spiritual juga mampu menjana perubahan dan membawa seribu makna kepada semua. Adalah diharapkan hubungan strategik yang terjalin ini dapat dimanfaatkan untuk lebih ramai lagi kumpulan sasar Jabatan melalui kerjasama CSR bersama lain-lain syarikat korporat dan swasta dapat diteruskan di masa-masa hadapan.

7. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, adalah menjadi harapan saya agar penganjuran Datasonic H2O Run 2024 ini akan dapat mencapai objektif utamanya iaitu melaksanakan tanggungjawab korporat untuk menyumbang ke arah Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus serta mewujudkan budaya hidup yang lebih sihat untuk semua yang menyertai program ini.

8. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas jemputan bagi merasmikan program ini. Ucapan syabas dan tahniah kepada penganjur yang telah berusaha keras menggembelng tenaga untuk merealisasikan program Datasonic H2O Run ini. Terima kasih juga kepada pihak

penaja, barisan Jawatankuasa program dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan program ini. Semoga program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa-masa akan datang.

9. Tidak dilupai para peserta yang ada dihadapan saya ini. Tahniah kepada para peserta yang berjaya menghabiskan acara larian ini, dan bagi yang kurang berjaya, jangan putus asa dan cuba lagi pada masa hadapan. Apa yang penting adalah semangat kesukanan yang ditunjukkan oleh anda semua.

10. Dengan harapan agar usaha murni dapat diteruskan, **SUKACITANYA SAYA MERASMIKAN MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM “DATASONIC H2O RUN 2024”.**